



## MSM rancang ceburi penanaman tebu bagi gula mentah

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer - Januari 17, 2024 @ 11:03am  
[bhbiz@NSTP.COM.MY](mailto:bhbiz@NSTP.COM.MY)



MSM merupakan pengeluar gula terbesar di negara ini - Foto BERNAMA

PASIR GUDANG: MSM Malaysia Holdings Bhd sedang mempertimbangkan untuk menceburi bidang penanaman tebu huluan bagi memastikan keterjaminan gula mentah di negara ini.

Ketua Pegawai Operasi MSM Malaysia Holdings Bhd, Hasni Ahmad, berkata negara seperti Thailand dan India telah melarang eksport gula mentah ke negara-negara lain.

"Katakan jika Brazil juga mengharamkan eksport gula mereka, kita akan mengalami krisis kekurangan untuk mendapatkan gula mentah. Justeru, kita perlu melihat dari perspektif keterjaminan makanan.

"MSM perlu memimpin dalam hal ini kerana kami merupakan pengeluar gula terbesar di negara ini," katanya kepada pemberita semasa lawatan media ke MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd semalam.

Hasni berkata, MSM dianggap sebagai kilang gula negara dan ia bukanlah semata-mata mengenai industri, namun membabitkan keterjaminan makanan dalam negara.

"Kami akan bekerjasama rapat dengan kerajaan untuk menceburi bidang penanaman tebu di negara ini," katanya.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli pada Mac tahun lalu berkata bahawa industri tebu Malaysia akan dibangunkan untuk membantu memenuhi permintaan negara terhadap gula.

Hal ini kerana, negara bergantung sepenuhnya kepada pengimportan gula mentah dari Brazil, berikutan penutupan ladang tebu tempatan di Chuping, Perlis, pada 2011.

MSM telah mengendalikan perniagaan perladangan tebu di Chuping di bawah bekas anak syarikat milik penuhnya, MSM Perlis Sdn Bhd.

Bagaimanapun, perniagaan itu telah dihentikan pada 2011 kerana hasil yang rendah dan kekurangan daya saing.

Berikutan pemberhentian ladang tebu, MSM Perlis beralih kepada pengurusan tanah pertanian, memfokuskan kepada ladang getah, kelapa sawit dan mangga.

Walau bagaimanapun, disebabkan prestasi tidak mampu yang dikaitkan dengan kos operasi yang tinggi untuk menyelenggara aktiviti perladangan, MSM Perlis menghentikan sektor perladangannya pada Jun 2019.

Pada 2021, MSM melepaskan keseluruhan kepentingan ekuitinya dalam MSM Perlis kepada FGV Integrated Farming Holdings Bhd, dengan harga RM181 juta.



\*\*\*

HEADLINE	MSM rancang ceburi penanaman tebu bagi gula mentah
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	17 January 2024, 11:03am
BY	Nur Amira Mohd Hedzer
LINK	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/01/1201250/msm-rancang-ceburi-penanaman-tebu-bagi-gula-mentah">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/01/1201250/msm-rancang-ceburi-penanaman-tebu-bagi-gula-mentah</a>